

Bantuan Awal Pengajian Dalam Dan Luar Negara



YAYASAN
PENDIDIKAN
MAIDAM

Objektif

- Membuktikan keprihatinan MAIDAM ke atas umat Islam di negeri Terengganu dalam menggalakkan menimba ilmu pengetahuan.
- Meringankan bebanan para ibu bapa dalam menampung kos keperluan pengajianan anak mereka ke peringkat pengajian tinggi.

Asnaf

Miskin dan Fisabilillah

Syarat-Syarat Permohonan

- a) Pemohon dan ibu bapa / penjaga adalah:
 - i. Rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** sebelum melanjutkan pelajaran atau,
 - ii. Pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang dari **tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.**
- b) Beragama Islam, baligh, dan berakal.
- c) Pelajar baharu yang mendapat tawaran melanjutkan pengajian dan permohonan sah dalam tempoh tidak melebihi **tiga (3) bulan** dari tarikh daftar pengajian.
- d) Tahap pengajian yang boleh dipertimbangkan ialah Sijil/ Pra-Diploma/ Asasi/ Matrikulasi, Diploma, Sarjana Muda, Ijazah Sarjana (*Master*) dan Doktor Falsafah (*PhD*) serta layak dipertimbangkan bantuan **sekali sahaja** untuk setiap satu tahap pengajian secara turutan ke atas.

- e) Tidak melibatkan bidang pengajian yang berkaitan industri hiburan.
- f) Pemohon:
 - i. Telah diterima belajar di institusi pengajian tinggi di dalam negara atau luar negara atau;
 - ii. Institusi pengajian kemahiran dalam negara walaupun tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- g) Tempoh pengajian **tidak kurang dari enam (6) bulan** dan keutamaan diberikan untuk pengajian sepenuh masa, walau bagaimanapun pengajian separuh masa boleh dipertimbangkan.
- h) Permohonan bantuan tidak dapat dipertimbangkan sekiranya ibu dan bapa pemohon yang bekerja di Negeri Terengganu tidak menunaikan zakat sepenuhnya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Kaedah Permohonan/ Pelaksanaan

- a) Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui laman sesawang Yayasan Pendidikan MAIDAM (<https://yp.maidam.gov.my/iptonline>).
- b) Pemohon perlu membuat permohonan secara dalam talian dan memuat naik dokumen berikut:
 - i. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa/ penjaga dan adik beradik dalam tanggungan. (Untuk permohonan kali pertama sahaja/ tambahan tanggungan)
 - ii. Salinan slip gaji ibu dan bapa/ penjaga atau akuan pendapatan bulanan (bagi yang bekerja sendiri/ pesara swasta)/ penyata pencen/ kad pesara (bagi pesara kerajaan) yang terkini.

- iii. Surat tawaran belajar yang rasmi.
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Berhenti Sekolah/ Sijil-sijil berkaitan. (Untuk permohonan kali pertama sahaja)
- v. Surat pengesahan mastautin terkini diperlukan bagi pemohon yang bukan rakyat negeri Terengganu yang telah bermastautin di negeri Terengganu **tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.**
- vi. Slip permohonan dan surat mastautin mestilah disahkan oleh pihak yang berautoriti di kawasan berkenaan sahaja sama ada Amil Zakat/ Pengerusi Masjid/ Ketua Kampung/ Penghulu.
- vii. Salinan tiket penerbangan bagi pelajar luar negara.
- viii. Salinan sijil kematian/ penceraian ibu bapa. (Jika berkenaan)
- ix. Lain-lain dokumen yang berkaitan.

c) Bantuan ini disalurkan terus kepada pelajar berkenaan.

Kaedah Bayaran

a) EFT/ Cara lain yang bersesuaian.



Sila imbas untuk
maklumat lanjut